

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYAURAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 20 JULAI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 61-100348
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang penggunaan Bahasa Kebangsaan khususnya di papan-papan iklan yang tidak mengutamakan Bahasa Kebangsaan ini.
2. 60-100314
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan agar GLC's benar-benar membantu usahawan dan kontraktor bumiputera yang bermasalah sekarang ini.
3. 38-100241
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah punca kejadian kehilangan bayi berlaku di hospital-hospital dan klinik-klinik di negara ini. Sejauh manakah tahap kawalan dan pengawasan bayi-bayi itu dijalankan sekarang supaya kejadian kehilangan itu tidak berulang.
4. 20-100071
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-
 - (a) bilangan permit import kenderaan (AP) yang telah dikeluarkan pada tahun 2000 hingga Mei 2005 kepada individu, syarikat atau koperasi; dan
 - (b) apakah kriteria untuk mendapatkan permit import kenderaan.

5. 50-100450
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pandangan Kementerian terhadap tuduhan sesetengah pihak bahawa Peg Ringgit ke Dollar Amerika adalah punca utama mengapa berlaku kelembapan di dalam aliran masuk modal dan pelaburan dari luar dan apakah perancangan Kerajaan terhadap nilai peg ini sekiranya nilai Yuan China berubah.
6. 70-100023
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang memasukkan peruntukan had umur pemimpin persatuan belia dan menyediakan panduan jelas bagi memisahkan persatuan belia dengan politik kepartian dalam draf Akta Pembangunan Belia yang sedang digubal oleh pihak Kementerian sekarang.
7. 18-100075
Tuan Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi kes-kes lambakan kesalahan trafik di Mahkamah Majistret di seluruh negara.
8. 68-100014
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana dan bilakah Kerajaan akan melaksanakan sistem BLT (Build Lease & Transfer).
9. 24-100269
Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam menggalakkan pelaburan antarabangsa di Sabah, terutama di dalam industri pelancongan dan pertanian berteknologi tinggi, memandangkan pembangunan negeri Sabah di sektor industri masih jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.
10. 72-100088
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menangani toman dan serangan peribadi terhadap kepimpinan Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditimbulkan di dalam media massa seolah-olah berlaku penentangan di antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan serta Kementerian Wilayah Persekutuan.
11. 45-100174
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendapatan Petronas hasil daripada Kerjasama cari gali minyak di luar negara mengikut negara yang terbabit antara 2000 hingga 2004.

12. 69-100342
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian meletakkan satu 'standard' khas iaitu kelayakan yang perlu diikuti bagi memastikan tenaga pengajar di IPTS terdiri daripada mereka yang berkelayakan sahaja.
13. 37-100290
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat melebarkan Jalan Kuala Lipis - Gua Musang.
14. 73-100351
Dr. Raja Ram a/l Nadayson minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kaedah Kementerian mengagihkan peruntukan untuk sektor pertanian dalam Rancangan Malaysia ke-9 agar dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat khususnya di kampung yang kebanyakannya terdiri daripada peladang dan pekebun-pekebun kecil. Selain itu, bagaimanakah soal pemilikan tanah akan diselesaikan untuk tujuan tersebut.
15. 46-100024
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-
- (a) bilangan IPTS yang dimiliki oleh bumiputera dan bukan bumiputera sehingga kini dan bilangan IPTS yang sedang menghadapi masalah serta jelaskan masalah-masalah yang dihadapi itu; dan
 - (b) apakah pula langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi membantu IPTS yang bermasalah.
16. 48-100120
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mempelbagaikan penggunaan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) supaya ia tidak menjadi gajah putih memandangkan hanya satu sahaja persidangan antarabangsa untuk wanita diadakan setakat ini.
17. 51-100278
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah bentuk kerjasama dalam bidang ekonomi yang wujud antara negara-negara ASEAN dan China dan sejauh mana kerjasama tersebut menguntungkan Malaysia.

18. 29-100411
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa menyenarai hitamkan peminjam bukan cara untuk mengatasi masalah dan adakah Kementerian sedar bahawa syarat baru ke atas penggunaan cek dan bayaran caj bagi perkhidmatan bank adalah membebaskan rakyat.
19. 65-100049
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kedudukan mutakhir masalah minyak diesel dan bilakah subsidi minyak diesel akan berakhir.
20. 23-100224
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah penglibatan Bank Pertanian bagi membantu petani-petani yang menceburkan diri dalam pertanian moden dan perusahaan menternak ikan hiasan.
21. 58-100299
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan, memandangkan negara kekurangan doktor, adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah universiti perubatan di negara ini bagi melahirkan lebih ramai doktor untuk berkhidmat kepada rakyat. Apakah nisbah doktor dengan jumlah penduduk di sesuatu kawasan di negara ini setakat Jun 2005.
22. 54-100100
Dato' Sri Empiang Jabu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program yang telah dilaksanakan di dalam usaha menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dan dari segi kewangan berapa banyak telah dibelanjakan bagi mengimplementasikan program-program tersebut.
23. 19-100370
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah hospital-hospital Kerajaan tidak diawasi keadaan keselamatannya hingga menyebabkan bayi yang baru lahir hilang dari jagaan hospital seperti mana yang berlaku di Hospital Sungai Petani, Kedah dan adakah Kementerian berhasrat untuk mengerahkan pegawai pemantau bagi hospital Kerajaan mengetatkan lagi kawalan keselamatan.
24. 29-100405
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI**

- PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk menyiapkan rumah guru dan nyatakan berapa peratusan bagi kawasan bandar dan luar bandar.
25. 74-100127
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini berapa ramai kaum cina yang berjaya menjadi ahli pasukan Polis DiRaja Malaysia.
26. 19-100364
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah kontraktor bumiputera yang layak dan berwibawa diberi peluang secukupnya dalam bidang kerja-kerja infrastruktur pembekalan air bersih terutamanya bidang pertukaran paip usang.
27. 39-100162
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendekatan yang dapat mengurangkan pergantungan kita kepada pekerja-pekerja asing umpamanya dalam bidang pembinaan, apakah rangsangan atau galakkan yang harus diberikan agar penggunaan jentera dalam industri pembinaan itu dilaksanakan oleh pihak yang terlibat.
28. 45-100191
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang belum membuat MyKad sehingga bulan Mei 2002 dan apakah faktor-faktornya.
29. 39-100161
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi memperkemaskan sistem mengutip pembayaran balik pinjaman yang telah diberikan kepada pelajar supaya pinjaman yang dibuat dapat dikutip dengan sepenuhnya untuk memudahkan pinjaman baru diberikan kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya.
30. 19-100358
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan prihatin terhadap kesukaran para jemaah khususnya yang mahu menunaikan umrah, kerana mereka terpaksa bersusah payah menaiki pesawat daripada Pulau Pinang ke Kuala Lumpur sebelum ke Tanah Suci. Tidakkah Kerajaan berhasrat mengadakan penerbangan terus dari Pulau Pinang ke Jeddah seperti mana penerbangan terus ke Bangkok, China, Hong Kong, Seoul, Taipei, Medan, Yemen dan lain-lain.

31. 45-100181
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor sebenar Kerajaan melaksanakan sistem kerja lima hari seminggu bagi kakitangan awam mulai Julai 2005.
32. 62-100435
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak JAKIM mempunyai garis panduan tertentu sebelum memberikan status halal kepada produk-produk kosmetik dari segi kesucian pembuatan, kebersihan (hygiene) sesuatu produk dan juga pemantauan pihak JAKIM dari masa ke semasa terhadap para pengeluar produk tersebut. Direktori halal keluaran 2004-2005 hanya menyenaraikan sebanyak 10 pengeluar berstatus halal. Jika dibandingkan terdapat lebih 50 syarikat yang mengusahakan produk kesihatan yang mana sering digunakan penduduk Islam di negara kita.
33. 18-100081
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah jangka panjang yang diambil oleh Kementerian dalam usaha mengurangkan kebergantungan negara terhadap buruh asing bagi memastikan penglibatan semua rakyat negara ini dapat dilibatkan sepenuhnya dalam semua sektor perkhidmatan.
34. 9-100394
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kes yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) antara tahun 2000 hingga 2004, di mana dalam tempoh itu berapa kes yang didakwa dan berapa jumlah sabitan atau kejayaan yang dicapai.
35. 20-100067
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kajian telah dibuat mengenai kesan-kesan cadangan penarikan balik pemberian subsidi diesel terhadap pengguna terutama kepada penduduk luar bandar.
36. 22-100189
Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah langkah-langkah penguatkuasaan terhadap pemandu bas ekspres yang memandu melebihi had laju yang ditetapkan masih tidak berkesan.
37. 27-100144
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah kelas-kelas latihan memandu individu akan dihapuskan dan apakah ciri-ciri Institut Latihan Memandu yang disarankan oleh pihak Kementerian.

38. 29-100417
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- (a) mengikut pecahan negeri yang masih terdapat jalan tanah merah dan bilakah penggunaan jalan tar dapat dilaksanakan sepenuhnya; dan
 - (b) apakah cadangan Kementerian bagi menentukan penduduk-penduduk di kawasan ladang dapat menikmati jalan tar dan bilakah ianya dapat dilaksanakan di semua ladang-ladang dalam negara kita.
39. 17-100198
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil kajian oleh Universiti Harvard dalam memperkukuhkan perkhidmatan awam di Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan ke atas cadangan-cadangan dalam kajian tersebut.
40. 67-100317
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan Malaysia di dalam proses perdamaian Timur Tengah dan bagaimanakah pengaruh Malaysia dapat digunakan untuk menghalang berlakunya sekali lagi tragedi pembunuhan umat Islam dan rakyat Palestin oleh rejim Zionis Israel yang masih belum menunjukkan tanda-tanda mahu bertolak ansur di dalam perkara ini.
41. 47-100112
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini Projek Pendaratan Petroleum di Songkhla, Thailand serta kos perbelanjaan yang terlibat sehingga kini.
42. 4-100423
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program jangka pendek untuk memberi latihan seperti kraftangan bagi membolehkan golongan ibu tunggal yang memerlukan bantuan menambahkan pendapatan mereka.
43. 46-100035
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab-sebab mengapa tong kitar semula tidak dibekalkan kepada rakyat negeri Kelantan.

44. 70-100033
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kementerian bercadang memansuhkan peraturan penggunaan permit eksport barangan dari Sabah dan Sarawak berikutan terdapat beberapa peniaga terpaksa memohon permit untuk mengeksport produk mereka ke Semenanjung.
45. 38-100250
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah produk-produk baru yang diusahakan oleh Kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong luar negara datang melancong ke negara ini dan bagaimana Kerajaan mengawal kedatangan pelancong-pelancong itu supaya mereka tidak mengambil kesempatan melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat selain daripada melancong.
46. 75-100360
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kedudukan prestasi keputusan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) daripada keseluruhan perkhidmatan kakitangan Kerajaan yang telah menduduki ujian tersebut dalam tahun 2004 dan sejauh manakah sistem PTK itu boleh membantu meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan mereka ke tahap yang lebih cemerlang dan apakah strategi yang telah dipraktikkan bagi mencapai matlamat tersebut.
47. 62-100429
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rasionalnya Kementerian menutup pusat-pusat MLVK. Berapa yang masih aktif dan benarkah penutupan MLVK ini hanya melibatkan bumiputera sahaja.
48. 40-100248
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah krisis bekalan air contohnya di Negeri Sembilan di mana beberapa empangan utama di negeri tersebut berada di tahap kritikal.
49. 60-100300
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Lebuhraya Utara Selatan ke 2 akan dilaksanakan, kerana meningkatnya jumlah kenderaan di lebuhraya sedia ada terutamanya kesesakan di musim perayaan dan cuti umum. Atau mungkinkah ianya akan dibuat secara berperingkat terutamanya antara KL - Seremban, KL - Ipoh dan Seremban - Johor Bahru.

50. 21-100150
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Lebuhraya Pan-Borneo akan siap dan berapa peratus kerja yang telah siap sehingga kini. Apakah masalah yang menyebabkan kelewatan sekiranya ada.
51. 74-100126
Tuan Chua Kim Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah peruntukan kewangan yang diberikan kepada rumah-rumah ibadat bukan Islam pada tahun 2004.
52. 71-100303
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menilai semua nilai "peg" ringgit berbanding dengan dolar Amerika memandangkan tekanan yang begitu tinggi yang kini dihadapi oleh negara ekoran daripada ketidakstabilan dolar dan kenaikan harga barangan import terutama bahan bakar industri dan minyak.
53. 67-100336
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian bercadang untuk memastikan kemelut pengurusan badan-badan dan persatuan sukan seluruh negara tidak akan menghambat pembangunan sukan negara, terutama di peringkat akar umbi dan menarik minat golongan belia untuk bergiat aktif di dalam sukan. Sejurus dengan itu juga apakah sasaran Kementerian di dalam program atlet terbuka yang kini rancak dipromosikan di seluruh negara.
54. 62-100441
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang pengiraan duit eksais yang ditentukan selaras dengan amalan antarabangsa dan "benchmark" antarabangsa yang manakah telah diguna pakai bagi tujuan ini.
55. 56-100460
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian akan menubuhkan "Bank Bayi" di negara ini khususnya di hospital di mana bayi-bayi yang diabaikan boleh dihantar untuk dijadikan anak angkat.
56. 41-100216
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk membentuk masyarakat berbudi bahasa dan rajin bekerja bagi mencapai negara lebih maju pada masa hadapan.

57. 7-100252
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah stesen minyak petronas dikendalikan oleh petronas sendiri, syarikat ataupun perseorangan lain dan apakah pecahan perolehan lesen mengikut kaum.
58. 25-100235
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah kes kehilangan bayi yang baru lahir boleh berlaku di Hospital Besar Sungai Petani. Adakah kawalan keselamatan hospital berkenaan longgar. Adakah Kerajaan bercadang menggunakan pakai sistem kamera litar tertutup bagi mengawalinya.
59. 43-100003
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam merancang dan melaksanakan Program Pengajian Ijazah Khas yang memenuhi keperluan industri.
60. 17-100200
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan "Return on Investment" dan "Pay Back Period" untuk pelaburan Projek Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) dalam dokumen PLUS mendapatkan penswastan lebu raya pada mulanya dan angka terkini selepas ia beroperasi.
61. 60-100287
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah Kementerian untuk membanteras kegiatan tonto yang muncul kembali. Apakah faktor yang menggagalkan usaha untuk membanteras kegiatan menjual VCD haram dan lucah, kerana kegagalan ini turut menjadi penyumbang kepada meningkatnya kegiatan tonto.
62. 9-100399
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan atau langkah-langkah penjimatan yang dirancang oleh Kementerian untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup kesan dari kenaikan harga minyak.
63. 66-100277
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah struktur lebu raya di Semenanjung Malaysia sama dengan Sabah dan Sarawak. Terdapat lebu raya di beberapa kawasan di Sarawak tiada lorong untuk kenderaan yang rosak atau berhenti.

64. 46-100045
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana penerimaan terhadap garis panduan hiburan yang di keluarkan oleh JAKIM.
65. 9-100385
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kedudukan terkini kerjasama segi-tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).
66. 4-100420
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah Kementerian mengadakan program latihan jangka pendek seperti kraf tangan khusus untuk wanita yang kurang pendidikan dan kemahiran untuk menambahkan pendapatan mereka.
67. 23-100219
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa hospital-hospital di negara kita yang tidak mempunyai pakar-pakar yang mencukupi setaraf dengan keadaan semasa contohnya seperti di Hospital Kangar, Perlis dan apakah cadangan dan tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.
68. 51-100284
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar-pelajar asing yang menuntut di IPTA dan IPTS Malaysia pada tahun ini mengikut negara.
69. 44-100053
Puan Safinah binti Jusoh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa YAB. Perdana Menteri Malaysia belum berpindah ke Putrajaya dan adakah benar laporan yang menyatakan kediaman rasmi yang umurnya tidak sampai 5 tahun itu sedang diperbaiki dengan perbelanjaan sebanyak RM35 juta.
70. 52-100468
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian di dalam mengembangkan kemahiran penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan mahasiswa-mahasiswi tempatan.
71. 47-100108
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN** menyatakan garis panduan baru terhadap artis-artis khususnya artis Melayu - Islam selepas Kerajaan memperkenalkan konsep Islam Hadhari dan sejauh manakah ianya diguna pakai oleh artis-artis berkenaan.

72. 54-100093
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil atau dirancang bagi mengatasi masalah kekurangan hasil penangkapan ikan di perairan Malaysia yang akan menjejaskan hasil pendapatan nelayan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu nelayan-nelayan ini.
73. 20-100061
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pegawai kakitangan awam pelbagai klasifikasi yang mengambil ujian PTK pada tahun 2003 hingga 2004 dan tahap pencapaiannya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 13/2005) Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [19 Julai 2005]**
2. (D.R. 12/2005) Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R. 15/2005) Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; “
4. (D.R. 16/2005) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; “
5. (D.R. 17/2005) Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; “
6. (D.R. 14/2005) Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. “

7. 20-100074
Tuan Osman bin Bungsu akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil perhatian yang amat serius terhadap pencapaian pelajar-pelajar orang asli di dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang dikatakan amat rendah status pencapaiannya berbanding dengan pelajar-pelajar bumiputera yang lain. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah segera untuk meningkatkan minat dan pencapaian pelajar berkenaan.

8. 22-100206

Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum negara Myanmar akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2006;

Mengambil maklum kepimpinan Myanmar masih belum mengembalikan sistem demokrasi di negaranya seperti yang digalakkan oleh ASEAN dan komuniti dunia;

Mengambil maklum bahawa pemimpin yang dipilih oleh rakyat, Daw Aung San Suu Kyi masih di bawah tahanan di rumah (house arrest);

Maka Dewan ini mengambil keputusan bahawa Myanmar tidak dibenarkan memegang jawatan pengerusi ASEAN sehingga Daw Aung San Suu Kyi dan semua yang dianggap tahanan politik dibebaskan, dan kepimpinan negara tersebut benar-benar membuka ruang untuk pemulihan demokrasi di Myanmar."